Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap negara di dunia mempunyai Lagu Kebangsaan masing-masing yang ditetapkan sebagai identity kebangsaan dan pernyataan taat setia rakyat kepada negara. Pada umumnya Lagu Kebangsaan adalah sebuah gubahan muzik yang mengandungi seni kata lagu yang bersifat setia kepada negara dan dicipta khas serta diiktirafkan oleh sesebuah negara sebagai lagu rasmi. Lagu tersebut juga mempunyai unsur-unsur seperti ciri khas, variasi dan maknanya yang tersendiri. Anatara lain peranan dan fungsinya adlah sebagai pengenalan sesebuah bangsa dan negara, symbol patriotism dan nasinalism, dan mengukuhkan perpaduan bangsa.

Lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam mempunyai cerita di sebalik kewujudannya. Pada tahun 1947, dua orang dari sekumpulan pemuda menyederi bahawa negara mereka patut mempunyai Lagu Kebangsaan sendiri. Justeru, mereka telah berusaha menggubah lagu dan menyusun seni kata Lagu Kebangsaan seperti yang ada sekarang. Mereka ialah Allahyarham Haji Besar bin Sagap sebagai penggubah lagu dan Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Abdul Rahim (sekarang dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Abdul Rahim) sebagai penyusun seni kata.

Walaupun terdapat pelbagai perubahan pada peringkat awal lagu ini diperkenalkan, namun apa yang unik dan menariknya, seni kata Lagu Kebangsaan ini lebih berunsurkan doa untuk raja dan negara. Seni kata lagu yang berunsurkan doa itu membawa makna, iaitu suatu permohonan dan harapan kepada Allah semoga baginda Sulan dan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Pada tahun 1951, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diakui secara rasmi selepas Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien (Sultan Brunei ke-28) dimahkotakan sebagai sultan pada tahun 1950.

Sehingga kini, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang bertajuk ‘Allah Peliharakan Sultan’ sering dinyanyikan atau diperdengarkan di segenap pelusuk negara di semua majlis atau acara rasmi yang bersifat kenegaraan.

Sumber:

Diubah suai dari Pelita Brunei, 15 Januari 2014.

LIVEWORKSHEETS

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

a. Apakah yang di**maksud**kan dengan Lagu Kebangsaan?

_____

_____

_____

b. Apakah **unsur-unsur** yang terdapat dalam Lagu Kebangsaan?

_____

_____

_____

c. Apakah **peranan dan fungsi** Lagu Kebangsaan?

_____

_____

_____

d. **Bila**kah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam **dicipta**?

_____

_____

_____

e. **Bagaimana**kah **terwujudnya** Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam?

_____

_____

_____

f. **Siapa**kah yang **menggubah** dan **menyusun senikata** Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam?

_____

_____

_____

LIVEWORKSHEETS

g. **Bila**kah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam **diakui secara rasmi**?

_____

_____

_____

h. **Mengapa**kah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam **dianggap unik**?

_____

_____

_____

i. Apakah **makna yang terkandung** di sebalik **seni kata** yang **berunsurkan doa** tersebut?

_____

_____

_____

j. Apakah yang **patut kita lakukan semasa menyanyi**kan Lagu Kebangsaan negara kita?

_____

_____

_____

LIVEWORKSHEETS